

# ETIKA ISLAM TERHADAP PERANAN INSTITUSI KELUARGA DALAM PENDIDIKAN KERJAYA ANAK-ANAK

Azhar Muhammad  
Kamarul Azmi Jasmi

Pusat Pengajian Islam dan Pembangunan social, Universiti Teknologi Malaysia Skudai Johor

## Suggested Citation:

Muhammad, A & Jasmi, K. A. (2004). Etika Islam Terhadap Peranan Institusi Keluarga dalam Pendidikan Kerjaya Anak-anak in *Seminar Pembangunan Kerjaya Abad 21* at Main Hall, Faculty of Education, Universiti Malaya, on 29 September 2004 , pp 1-12.

## Abstrak

Kerjaya adalah satu bidang yang akan ditempuhi oleh anak-anak apabila tiba masanya. Anak-anak akan mengahala kepada pilihan kerjaya masing-masing sama ada secara sukarela atau terpaksa. Pemilihan terhadap kerjaya masing-masing adalah amat penting bagi menentukan pembangunan bidang yang akan diceburi. Oleh itu, Islam sebagai satu cara hidup memberikan tunjuk ajar dan bimbingan secara umum bagi individu yang akan menceburi mana-mana kerjaya yang diminati. Etika Islam terhadap peranan institusi keluarga khususnya ibu bapa amat ditekankan bagi menjamin keutuhan pembangunan dan perkembangan profesionalisme dan kerjaya anak-anak. Ibu bapa perlu merujuk kepada etika ini sesuai dengan status manusia sebagai pemegang amanah khalifah Allah di atas muka bumi ini. Untuk menjamin amanah kekhalfahan ini dapat dilakukan dengan terbaik, maka individu perlu mendapat bimbingan awal terhadap pendidikan kerjaya terutama daripada keluarga. Kertas kerja ini akan menyingkap etika pendidikan kerjaya anak-anak ini melalui sorotan al-Quran dan hadis dalam menempuh alam kerjaya terutama di era globalisasi abad 21.

# ETIKA ISLAM TERHADAP PERANAN INSTITUSI KELUARGA DALAM PENDIDIKAN KERJAYA ANAK-ANAK\*

Azhar Muhammad  
Kamarul Azmi Jasmi  
Pusat Pengajian Islam & Pembangunan Sosial  
Universiti Teknologi Malaysia 81310 UTM Skudai, Johor.

## *Abstrak*

*Kerjaya adalah satu bidang yang akan ditempuhi oleh anak-anak apabila tiba masanya. Anak-anak akan menghala kepada pilihan kerjaya masing-masing sama ada secara sukarela atau terpaksa. Pemilihan terhadap kerjaya masing-masing adalah amat penting bagi menentukan pembangunan bidang yang akan diceburi. Oleh itu, Islam sebagai satu cara hidup memberikan tunjuk ajar dan bimbingan secara umum bagi individu yang akan menceburi mana-mana kerjaya yang diminati. Etika Islam terhadap peranan institusi keluarga khususnya ibu bapa amat ditekankan bagi menjamin keutuhan pembangunan dan perkembangan profesionalisme dan kerjaya anak-anak. Ibu bapa perlu merujuk kepada etika ini sesuai dengan status manusia sebagai pemegang amanah khalifah Allah di atas muka bumi ini. Untuk menjamin amanah kekhilafahan ini dapat dilakukan dengan terbaik, maka individu perlu mendapat bimbingan awal terhadap pendidikan kerjaya terutama daripada keluarga. Kertas kerja ini akan menyingkap etika pendidikan kerjaya anak-anak ini melalui sorotan al-Quran dan hadis dalam menempuh alam kerjaya terutama di era globalisasi abad 21.*

## **PENDAHULUAN**

Manusia dijadikan oleh Allah S.W.T. di atas muka bumi ini sebagai makhluk "khalifah" yang direncanakan sebagai pembangun alam ini. Khalifah yang dinyatakan oleh Allah S.W.T. dalam al-Quran ini (Surah al-Baqarah 2:30) membawa pengertian yang begitu luas membayangkan manusia sebagai makhluk yang dinamik, berinovasi dan berkreatif untuk membangunkan potensi diri dalam kerjaya masing-masing.

Kerjaya yang ada dalam diri seseorang perlu sentiasa dipupuk dan diperkasakan dengan segala keperluan yang akan memungkinkannya berkembang hingga dapat memberikan pulangan yang sewajarnya terutama kepada pembangunan alam yang boleh difokuskan kepada masyarakat dan negara. Usaha-usaha untuk memupuk dan memperkasakan bakat dan kesediaan semulajadi serta memperkembangkan potensi yang ada dalam diri seseorang perlu dilaksanakan *dengan* saksama sesuai dengan *peredaran* masa dan situasi. Peranan yang sewajarnya perlu diambil dari peringkat permulaan atau dalam usia individu yang masih bersedia untuk menerima asuhan dan didikan. Oleh itu, dalam mana-mana institusi kekeluargaan, ibu bapa memainkan peranan yang amat penting dalam usaha

---

\* Kertas kerja ini dibentangkan di Seminar Pembangunan Kerjaya Abad 21 dengan Tema: Peranan Pendidikan dan Keluarga dalam Pembangunan Kerjaya, pada 29-30 November, 2004 bertempat di Fakulti Pendidikan, Universiti Malaya serta dianjurkan oleh Pusat Pembangunan Keluarga Universiti Malaya (UMCFD).

pemupukan dan penunjuk arah kepada kerjaya anak-anak terutama apabila tiba masanya. Pemilihan terhadap kerjaya anak-anak adalah amat penting bagi menentukan pembangunan dan keperkasaaan bidang yang akan diceburi.

## **PENDIDIKAN KERJAYA**

Pendidikan dalam bahasa Arab pula disebut dengan perkataan "*tarbiyyah*". Perkataan ini diambil daripada kata dasarnya yang membawa erti tumbuh, berkembang, memelihara, mentadbir, meminjam dan memperbaiki. Istilah "*tarbiyyah*" bermaksud proses merealisasikan pembinaan insan, pembentukan dan pemasyarakatan seseorang individu selaras dengan dasar yang digariskan oleh sesuatu falsafah agar individu tersebut dapat menunjukkan kepehabadian yang tinggi dalam setiap perilakunya.

Pendidikan dalam Islam mempunyai kedudukan yang amat tinggi sehingga dikira sebagai satu ibadah. Allah S.W.T. meletakkan taraf orang-orang yang berilmu dan berpendidikan kepada satu tahap yang agak tinggi (Al-Quran, surah al-Mujadalah 58:11). Pendidikan dalam Islam tidak terhenti kepada pendidikan duniawi sahaja, bahkan meliputi kedua-dua lapangan dunia dan akhirat. Sebab itulah ilmu mengikut al-Ghazali telah dibahagikan kepada dua bahagian utama, iaitu ilmu fardhu ain yang dituntut ke atas setiap orang supaya mengetahui dan mempelajarinya bagi memenuhi tuntutan agama seperti ilmu-ilmu Fiqh, Tafsir, Kalam dan sebagainya. Kedua ialah ilmu fardhu kifayah yang mesti ada pada sekumpulan orang dalam masyarakat tanpa melihat kepada individu seperti ilmu-ilmu perubatan, kejuruteraan, pertukangan, ekonomi dan sebagainya.

Manakala matlamat pendidikan Islam adalah untuk membangun potensi manusia agar mampu melaksanakan tanggungjawab melaksanakan tugas sebagai hamba dan khalifah Allah di muka bumi ini mengikut syariat ilahi. Secara umumnya, matlamat pendidikan Islam ialah untuk melengkapkan setiap individu dengan pengetahuan Islam supaya ia dapat hidup sebagai seorang yang beriman, berakhlak, berpengetahuan dan beramal soleh. Di samping itu, pengetahuan itu juga dapat menyedarkan manusia tentang tugas utamanya sebagai khalifah Allah dan juga tarafnya sebagai hamba Allah.

Kerjaya dalam Kamus Dewan (2000:656) dinyatakan sebagai perjalanan atau kemajuan seseorang dalam sesuatu lapangan kehidupan. Perkataan ini juga membawa erti profesion atau pekerjaan yang dipilih sebagai cara mencari nafkah. Kalau dilihat kepada definisi ini, kerjaya mempunyai erti yang amat luas, bukan sahaja merujuk kepada usaha-usaha yang mendatangkan pulangan bergaji secara harian atau bulanan seperti yang difahami oleh kebanyakan individu hari ini, bahkan merangkumi seluruh bidang yang diceburi oleh setiap individu. Seorang wanita atau isteri yang bertugas sebagai suri rumah juga boleh dikategorikan sebagai satu kerjaya walaupun ramai yang beranggapan bahawa mereka sebagai "tidak bekerja". Menurut Wan Mohd Nor Wan Daud (1991:127), budaya kerja dalam Islam merupakan satu budaya yang berpegang bahawa segala usaha bergaji ataupun tidak, mestilan bersandarkan pada pengetahuan, kebenaran dan neraca keutamaan mengikut dua ajaran sumber al-Quran dan hadis.

Secara umumnya, definisi pendidikan kerjaya yang dibincangkan dalam kertas kerja ini adalah merangkumi etika, panduan dan bimbingan tentang profesion yang akan diceburi oleh anak-anak apabila tiba masa mereka menceburi alam pekerjaan. Panduan yang akan dibincangkan adalah berasaskan kepada etika yang telah digariskan dalam Islam sebagai

agama petunjuk cara hidup manusia (*hudan Is al-Nas*). Etika pendidikan kerjaya ini telah disediakan pada peringkat awal usia manusia yang semestinya perlu diambil peranan oleh institusi keluarga terutama para ibu bapa.

## KERJAYA SEBAGAI SATU IBADAT

Kerjaya adalah satu kegiatan manusia yang amat dituntut terhadap setiap individu sama ada lelaki atau perempuan. Dalam Islam tidak ada jalan lain untuk menikmati kekayaan dan rezeki kecuali dengan berusaha dan bekerja. Tiap-tiap orang yang sihat atau mampu bekerja wajibiah bekerja. (Haron Din et.al,1985:564). Islam menggalakkan umatnya bekerja dan berusaha yang diungkap dalam istilah ibadat sekiranya tindakan dan aktiviti kerjaya tersebut dilaksanakan dengan ikhlas dan tunduk kepada undang-undang dan peraturan Allah S.W.T. Mengikut Ismail Haji Ibrahim (1991:134), aktiviti dan amalan yang terangkum dalam kategori inilah yang dapat diistilahkan dengan istilah ibadat umum, iaitu ibadat yang dilakukan dalam bentuk pekerjaan dan tindakan hamba Allah di ladang, di kilang, di pejabat, di hospital, di rumah dan di mana-mana sahaja.

Terlibat dalam kerjaya untuk mendapatkan pendapatan yang halal adalah menjadi tanggungjawab bagi seluruh umat manusia. Dalam Islam, tanggungjawab ini berada pada peringkat kedua daripada rukun-rukun Islam seperti mendirikan solat, membayar zakat dan lain-lain. Rasulullah s.a.w. telah bersabda dalam satu hadis:

طلب الحلال فريضة بعد الفريضة

Terjemahan: "*Mencari rezeki melalui kerjaya yang halal adalah perkara fardu sesudah menunaikan rukun-rukun yang fardu (solat, puasa dan lain-lain)*"

(H.R. al-Tabarani dan al-Baihaqi)

Banyak ayat al-Quran yang menyuruh manusia agar bekerja dengan jayanya dalam hidup mereka. Kerjaya digambarkan sebagai sumber rezeki untuk menanggung diri sendiri, keluarga dan orang lain. Dengan bekerjaya, seseorang akan mendapat rezeki yang cukup, tidak akan bergelut dengan kemiskinan, kelemahan dan kekufuran serta tidak bergantung kepada orang lain untuk hidup dengan berjaya. Kaitan kerjaya dengan ibadat adalah amat jelas sekali kalau dilihat pada firman Allah S.W.T. dalam al-Quran seperti dalam ayat ini:

وَقُلِ اعْمَلُوا فَسَيَرَى اللَّهُ عَمَلَكُمْ وَرَسُولُهُ وَالْمُؤْمِنُونَ وَسَتُرَدُّونَ إِلَىٰ

عِلْمِ الْغَيْبِ وَالشَّهَادَةِ فَيُنبِّئُكُمْ بِمَا كُنْتُمْ تَعْمَلُونَ ﴿١٠٥﴾

Terjemahan: "*Dan katakanlah (wahai Muhammad): Beramalfah kamu (akan segala yang dipenntahkan), maka Allah dan Rasul-Nya serta orang-orang yang benman akan melihat apa yang kamu kerjakan; dan kamu akan dikembalikan kepada (Allah) Yang Mengetahui perkara-perkara yang ghaib dan yang nyata, kemudian la menerangkan kepada kamu apa yang kamu telah kerjakan*".

(Surah al-Taubah 9:105)



diceburi nanti sesuai dengan kecenderungan dan minat mereka. Perancangan laluan kerjaya ini perlu dilakukan dalam tahap-tabap yang berbeza berdasarkan kepada kesesuaian umur anak. Apa yang penting, kecenderungan dan minat yang ada dalam diri anak-anak perlu dipupuk pada peringkat awal lagi agar berlangsung kesinambungan antara kecenderungan tersebut dengan etika yang ditetapkan oleh Islam.

Dalam abad ke-21 ini, ibu bapa bukan sahaja berperanan memberikan pendidikan agama dan akhlak anak-anak, bahkan mereka patut berperanan memberikan pendidikan kerjaya anak-anak mereka berdasarkan kepada etika yang digariskan oleh Islam. Sebagaimana dimaklumi, Islam sebagai satu cara hidup memberikan tunjuk ajar, bimbingan dan dasar-dasar umum bagi individu yang akan menceburi mana-mana kerjaya yang diminati. Ibu bapa perlu merujuk kepada dasar-dasar ini sesuai dengan status manusia sebagai pemegang amanah khalifah Allah di atas muka bumi. Untuk menjamin amanah kekhalifahan ini dapat dilakukan dengan terbaik, maka individu perlu mendapat bimbingan awal terhadap pendidikan kerjaya terutama daripada institusi keluarga masing-masing.

Dua perkara asas perlu diberikan perhatian oleh ibu bapa dalam pendidikan kerjaya anak-anak ialah:

### **Berperanan Membangkitkan Motivasi Anak Untuk Menceburkan Diri Dalam Kerjaya Sebagai Satu Cara Infaq Dalam Hidup**

Peranan ini amat penting dimainkan oleh kedua ibu bapa bagi mendorong dan seterusnya menempatkan anak dalam alam kerjaya yang sesuai dengan mereka. Konsep dan etika Islam terhadap kerjaya seperti memakan hasil daripada usaha sendiri sepatutnya didedahkan kepada anak-anak. Islam amat menggalakkan seseorang untuk berusaha mendapatkan rezeki dan bekerja sendiri. Usaha dan kesungguhan yang dilakukan lebih baik daripada meinta-minta daripada orang lain (Mustapha Said al-Khin et.al 1992:399). Dalam hadis yang diriwayatkan oleh Abu Hurairah r.a (al-Bukhari 3/365 & 4/260 dan Muslim, 2001: 1032):

عَنْ أَبِي هُرَيْرَةَ رَضِيَ اللَّهُ عَنْهُ قَالَ قَالَ رَسُولُ اللَّهِ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ لَأَنْ يَحْتَطَبَ أَحَدُكُمْ حَزْمَةً عَلَى ظَهْرِهِ خَيْرٌ لَهُ مِنْ أَنْ يَسْأَلَ أَحَدًا فَيُعْطِيَهُ أَوْ يَمْنَعَهُ

Terjemahan: *Abu Hurairah r.a. berkata, Rasulullah s.a.w. bersabda: "Seseorang yang mengumpulkan kayu api yang diletakkan di atas belakangnya untuk dijual adalah lebih baik daripada orang yang meminta daripada orang lain sama ada diberi ataupun tidak".*

(Al-Bukhari dan Muslim)

Muhammad Said Mursi (1998:354) dalam bukunya tentang seni pendidikan anak-anak dalam Islam menjelaskan beberapa perkara asas yang perlu dilakukan oleh ibu bapa semasa mengarah hala tuju anak-anak dalam kerjaya tertentu. Ibu bapa perlu sentiasa menceritakan dan memberi contoh terbaik kepada anak-anak tentang profesion dan kerjaya yang dilakukan oleh para nabi dan rasul.

Rasulullah s.a.w. pernah bersabda dalam hadis yang diriwayatkan oleh al-Miqdad bin Ma'dikariba r.a. (Al-Bukhari 4/259):

عَنِ الْمَقْدَامِ رَضِيَ اللَّهُ عَنْهُ عَنْ رَسُولِ اللَّهِ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ قَالَ مَا أَكَلَ أَحَدٌ طَعَامًا قَطُّ خَيْرًا مِنْ أَنْ يَأْكُلَ مِنْ عَمَلِ يَدِهِ وَإِنَّ نَبِيَّ اللَّهِ دَاوُدَ عَلَيْهِ السَّلَامُ كَانَ يَأْكُلُ مِنْ عَمَلِ يَدِهِ

Terjemahan: *Al-Miqdam r.a. bahawa Rasulullah s.a.w. bersabda, "Tidaklah seseorang itu memakan makanan yang terlebih baik daripada hasil usahanya sendiri, dan sesungguhnya Nabi Aliah Daud pun makan daripada hasil usahanya sendiri".*

(Al-Bukhari)

Mustapha Said al-Khin et.al. (1992:400) semasa mengulas maksud hadis ini menerangkan bahawa Islam adalah agama cara hidup di dunia dan akhirat. Islam menggalakkan umatnya berusaha untuk mendapatkan sesuatu dengan bersebab, bukan hanya meminta-minta dan berserah kepada Allah sahaja. Begitu juga setiap orang perlu bergantung kepada diri sendiri dalam menempuhi urusan kehidupan. Ini adalah asas pendidikan yang memotivasikan diri agar aktif berusaha membangunkan diri, sentiasa bersikap berinovasi dan berpotensi, tidak bersikap malas dan jumud.

Menurut Ibnu Khaldun (2000:450) dalam *Muqaddimah*, bidang pertanian adalah dihubungkaitkan dengan Nabi Adam a.s. bapa kepada seluruh manusia. Dia dikatakan sebagai orang yang telah mengajarkan dan mengamalkan kerjaya pertanian. Sementara bidang pertukangan dinisbahkan dengan Nabi Idris a.s. bapa kedua kepada umat manusia. Nabi Nuh a.s. menceburkan diri dalam bidang pertukangan kayu dalam pembuatan kapal, Nabi Daud a.s. dalam bidang pertukangan keluli khususnya dalam persenjataan dan baju besi, Nabi Musa a.s. pula terlibat dalam bidang penternakan.

Nabi Muhammad s.a.w. sendiri pernah melakukan kerja dalam bidang penternakan dan perniagaan, Semasa berumur belasan tahun, baginda telah berkecimpung dalam perternakan kambing dan biri-biri serta mengikuti Abu Talib berdagang ke Syam. Isteri nabi yang tercinta Khadijah r.a. juga merupakan seorang wanita yang aktif dalam profesion perniagaan. Semasa berumur 25 tahun, Rasulullah s.a.w. membawa sendiri barang dagangan kepunyaan majikannya ketika itu iaitu Khadijah r.a. ke beberapa daerah untuk diperdagangkan. Begitu juga dengan para sahabat yang terdiri dari kalangan ahli-ahli perniagaan seperti Abdul Rahman bin 'Auf, Abu Bakar al-Siddiq, Umar al-Khattab, Uthman bin 'Affan, Zubair bin Awwam dan Iain-Iain.

Ibnu al-Jawzi pernah meriwayatkan bahawa Umar al-Khattab r.a. pernah melarang orang-orang fakir yang hanya duduk tanpa bekerja semata-mata mengharap belas kasihan orang ramai. Beliau pernah berkata kepada mereka : "*Wahai golongan fakir, berlumba-lumbalah kamu dalam membuat kebajikan, janganlah kamu hanya menjadi tanggungan orang-orang mukmin sahaja*". Said bin Mansur meriwayatkan daripada Ibnu Mas'ud bahawa beliau pernah berkata : "*Sesungguhnya aku amat benci melihat orang yang menganggur, tidak bekerja untuk kehidupan dunia mahupun akhirat*". Imam a-Syafi'i pernah berkata : "*Memindahkan batu besar dari atas gunung lebih aku sukai daripada mengharapkan pemberian orang, orang mengatakan kerjaya ini tercela, aku katakan bahawa yang tercela adalah bagi orang yang meminta-minta*". (Abdullah Nasih Ulwan, 1993:425).

Ibu bapa boleh memerhatikan kesesuaian bidang yang perlu didedahkan kepada anak-anak. Kemungkinan ada bidang yang sesuai untuk kedua-dua anak lelaki atau perempuan seperti bidang perguruan, perkeranian dan sebagainya. Kemungkinan ada bidang yang hanya sesuai untuk anak lelaki sahaja seperti pertukangan yang bersifat keras dan kasar atau untuk perempuan sahaja seperti kerjaya berkaitan rumah tangga, jahitan, masakan dan sebagainya. Perkara ini perlu ditangani dengan baik oleh ibu bapa terutama dalam kehidupan masyarakat abad 21 kini yang kurang melihat kepada perbezaan jantina ini lagi dalam mengejar mana-mana profesion.

### **Berperanan Membimbing Potensi Anak Sesuai dengan Kecenderungan dan Minat Semulajadi Mereka**

Bakat anak-anak dalam bidang-bidang tertentu sebenarnya telah dapat dikesan sejak dari usia yang kecil. Kecenderungan dan bakat mereka sebenarnya telah terserlah berasaskan kepada bakat, perlakuan dan minat mereka dalam bidang-bidang tertentu. Ibu bapa perlu peka dalam mengenal pasti kecenderungan-kecenderungan ini dari peringkat awal lagi bagi memudahkan anak-anak mengasah dan memperkembangkan bakat mereka tersebut.

Kadang kala ada anak-anak yang berminat dalam bidang reka cipta dan kemahiran-kemahiran tertentu walaupun mereka agak sederhana atau lemah dalam pencapaian prestasi akademik mereka. Golongan ini perlu diarahkan terus menjurus kepada bidang dan kemahiran berkenaan setelah diberikan pengetahuan agama dan kehidupan dunia. Ibu bapa perlu memahami situasi ini berasaskan kepada sejauh mana *kemampuan mereka* yang agak terbatas dalam akademik. Amat penting bagi ibu bapa sentiasa memberikan galakan dan dorongan kepada anak-anak untuk berusaha dan bekerja serta tekun dalam bidang yang diceburi. Manakala golongan yang berpotensi tinggi dalam akademik perlu diberikan peluang seluas-luasnya. Walau bagaimanapun, ibu bapa perlu juga mendedahkan pengetahuan agama dan beberapa kemahiran tertentu sebagai bekalan untuk mereka menghadapi cabaran hidup.

Adnan Hassan Salleh (2002:322) menegaskan bahawa ibu bapa perlu mengambil berat dalam perbezaan keupayaan di kalangan anak-anak. Ini kerana Allah S.W.T. telah menjadikan keupayaan individu dan kecerdasan akal adalah berbeza antara satu dengan yang lain. Ada yang terlalu cepat, ada yang agak lambat dan ada yang sederhana dalam memahami sesuatu. Ibu bapa juga perlu memerhati kemampuan dan kecenderungan anak masing-masing. Mungkin ada yang berminat dalam bidang sastera, sains, mekanik, kejuruteraan dan sebagainya yang memberikan kesan yang besar dalam perkembangan potensi kerjaya masing-masing.

Anak-anak yang cenderung kepada seni, bahasa, sosial dan sebagainya bolehlah diarahkan kepada bidang sastera, manakala yang cenderung kepada kajian saintifik, perubatan dan sebagainya diarahkan kepada bidang sains dan yang cenderung kepada pertukangan, mekanikal, kejuruteraan dan sebagainya boleh diarahkan kepada bidang teknik dan vokasional. Ibu bapa perlu memahami hakikat bahawa tidak mudah bagi anak-anak untuk mampu menguasai dan menonjol dalam pelbagai bidang yang dipelajari. Jadi tidak wajarlah anak-anak dipaksa mengikuti bidang yang ditentukan atau dipilih sendiri oleh ibu bapa tanpa persetujuan mereka. Banyak kes keciciran yang berlaku di kalangan anak-anak pada masa kini dilaporkan berpunca daripada bidang yang diceburi itu tidak diminati oleh mereka. Wisyah r.a. pernah menyatakan bahawa :



قَالَ رَسُولُ اللَّهِ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ أَنْزَلُوا النَّاسَ مَنَازِلَهُمْ

Terjemahan: "Rasulullah s.a.w. menyuruh kami menempatkan manusia pada tempatnya (mengikutkemampuan) masing-masing."

(Abu Daud)

Abdullah Nasih Ulwan (1993:431) menukikkan daripada Ibnu Sina yang pernah meminta para ibu bapa mengenal pasti dan memelihara minat dan kecenderungan anak-anak, mengikut naluri dan kemampuan ilmiyyah mereka untuk memilih kerjaya masing-masing. Beliau menyatakan bahawa tidak semua kemahiran yang diharapkan terhadap anak-anak akan dapat dicapai oleh mereka kerana ia bergantung kepada ketokohan dan kecenderungan. Semua orang akan mahir dan berketrampilan dalam seni sastera sekiranya tanpa bergantung kepada kedua-dua faktor tersebut. Jadi setiap ibu bapa perlu membimbing anak-anak memilih kemahiran dan kerjaya berasaskan kepada pertimbangan ketokohan, mengukur kecekapan dan menguji kecerdasan yang ada pada mereka.

## ETIKA ISLAM DALAM KERJAYA

Islam tidak menyekat dan melarang umatnya untuk berkerjaya dalam mana-mana profesion sekalipun asalkan memenuhi syarat dan peraturan yang telah ditetapkan oleh Allah S.W.T. Muhammad Zakariyya (1994:101) menukikkan daripada Imam Syafi'i (dalam *al-Risalah*) dan imam Ghazali (dalam *Ihya 'Ulum al-Din*) bahawa para ulama' telah bersepakat tidak membenarkan sesiapaupun memulakan sesuatu urusan hingga mengetahui hukum Allah tentang urusan tersebut. Sementara Imam Maliki (dalam *Furu'*) menegaskan jika ingin berurusan niaga dan jual beli, adalah wajib ke atas dirinya mengetahui perintah Allah tentang urusan tersebut, dan jika menerima sebarang tawaran pekerjaan, wajiblah ia mengetahui terlebih dahulu prosedur dan peraturan yang berkaitan dengannya. Jelas di sini, bahawa islam amat mementingkan ilmu pengetahuan dalam apa jua urusan yang dilakukan termasuk dalam mana-mana kerjaya yang diceburi.

Ibu bapa patut menjelaskan kepada anak-anak tentang peraturan kerjaya ini agar mereka dapat membuat pilihan yang tepat. Garis panduan dan etika ini perlu diketahui terlebih dahulu oleh anak-anak sebelum mereka memilih kerjaya masing-masing. Pengetahuan tentang etika ini akan lebih memudahkan mereka berkarier dalam kerjaya tanpa was-was. Menurut Ismail Haji Ibrahim (1991:134-135), secara umumnya garis panduan tersebut berasaskan kepada beberapa perkara:

- (1) Kerjaya yang diceburi itu perlu disusuli dengan niat yang suci dan ikhlas kerana Allah, Objektif dan matlamat berkerjaya adalah berasaskan kepada keredaan Allah seperti kesedaran bekerja untuk mencari rezeki yang halal, menanggung infaq keluarga, melarikan diri daripada belunggu kemiskinan yang boleh membawa kepada kekufuran dan tidak mahu semata-mata bergantung kepada orang lain hingga menjadi beban kepada masyarakat dan negara.
- (2) Kerjaya yang diceburi itu mestilah berlandaskan kepada hukum syarak atau yang ditzinkan dalam Islam. Kerjaya yang melibatkan unsur-unsur yang haram seperti wujud elemen-elemen maksiat terhadap Allah, melibatkan minuman keras, judi dan

sebagainya, atau mana-mana kerjaya yang menyebabkan seseorang itu meninggalkan ibadat atau menjauhkan diri daripada Allah.

- (3) Proses aliran kerjaya tersebut berteraskan kepada prinsip-prinsip syariah. Semua proses dari awal hingga akhir sesuatu kerjaya tersebut dilaksanakan berdasarkan kepada prinsip-prinsip syariah seperti adil, amanah, jujur, bertanggungjawab dan sifat-sifat mulia yang lain. Kerjaya yang diusahakan atas dasar-dasar di luar daripada yang diizinkan syariah seperti ada unsur-unsur penipuan, pemalsuan, penyelewengan, kesamaran, penindasan, kezaliman dan seumpamanya adalah terkeluar daripada prinsip-prinsip syariah dan tertolak dengan sendiri.
- (4) Kerjaya yang diusahakan itu perlu dilakukan dengan bersungguh-sungguh, cekap dan tekun, tidak secara sambil lewa atau kerana terpaksa dan sebagainya. Usaha-usaha yang dilakukan dalam mana-mana kerjaya yang diredai adalah dalam konteks *ta'abbudi* dan *takhallufi* terhadap Allah S.W.T. yang dikira sebagai fungsi utama manusia hidup di dunia ini, bukan semata-mata hanya berteraskan kepada pulangan material sahaja.
- (5) Kerjaya yang diceburi itu tidak melampaui dan mencerobohi hak-hak Allah S.W.T. terhadap hamba-Nya. Usaha yang dijalankan dalam kerjaya tidak wajar melupai kewajipan-kewajipan yang sepatutnya dilakukan oleh seorang hamba terhadap Tuhannya. Individu yang terlalu leka dengan kerjayanya hingga mengabaikan tanggungjawab solat lima waktu dan melalaikan hati daripada mengingati Allah tidak akan mendapat ganjaran dan keredaan daripada Allah walaupun mendapat keuntungan material di dunia.

Untuk lebih menjelaskan lagi tentang syarat-syarat umum tersebut, boleh dilihat kepada salah satu profesion yang agak popular masa kini iaitu dalam bidang perdagangan atau perniagaan. Menyentuh tentang kerjaya ini, Ibnu Khaldun (2000:451) melabelkan perdagangan sebagai suatu yang semulajadi untuk membuat keuntungan. Sebahagian besar amalannya dan caranya adalah penuh tipu muslihat dan lebih terarah untuk mendapatkan laba di antara harga belian dan harga jualan. Apa yang menjadi lebihan itu membolehkan suatu pendapatan sebagai untung. Dengan demikian, syariat Islam membolehkan penggunaan cara-cara yang bijaksana *mukayashah* (pemujukan) di dalam perdagangan.

Jadi dalam proses perniagaan, banyak elemen dan ruang yang boleh membuatkan penjual dan pemberi menyeleweng daripada landasan yang diizinkan oleh syarak. Unsur-unsur penipuan, sifat tidak amanah, pemalsuan, ketidaktepatan bayaran, hutang, mengurangi timbangan dan sebagainya adalah cabaran yang besar dalam bidang ini. Yusof al-Qaradhawi (1995:763-767) telah meletakkan beberapa syarat yang akan menjadikan seorang pedagang atau peniaga itu yang akan diredai oleh Allah S.W.T. sebagaimana dinyatakan dalam hadis bahawa (al-Tirmidhi, 1994: 1130; Ahmad, 1994: 2427):

عَنْ أَبِي سَعِيدٍ عَنِ النَّبِيِّ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ قَالَ التَّاجِرُ الصَّدُوقُ الْأَمِينُ مَعَ النَّبِيِّينَ  
وَالصِّدِّيقِينَ وَالشَّهَدَاءِ

Terjemahan: Abu Sa'id menjelaskan bahawa Nabi s.a.w. bersabda, "Peniaga yang benar (di akhirat kelak) akan berada bersama-sama dengan para nabi dan siddiqin".

(Al-Tirmuzi dan Ahmad)

Manakala al-Quran juga menceritakan golongan peniaga ini akan diberikan sebaik-baik balasan oleh Allah S.W.T.:

رَجَالٌ لَا تُلْهِيمُ تِجْرَةً وَلَا بَيْعٌ عَنْ ذِكْرِ اللَّهِ وَإِقَامِ الصَّلَاةِ وَإِيتَاءِ الزَّكَاةِ  
يَخَافُونَ يَوْمًا تَتَقَلَّبُ فِيهِ الْقُلُوبُ وَالْأَبْصَارُ ﴿٣٧﴾ لِيَجْزِيَ اللَّهُ أَحْسَنَ مَا  
عَمِلُوا وَيَزِيدَهُمْ مِنْ فَضْلِهِ ۗ وَاللَّهُ يَرْزُقُ مَنْ يَشَاءُ بِغَيْرِ حِسَابٍ ﴿٣٨﴾

Terjemahan: "(Ibadat itu dikerjakan oleh) orang-orang yang kuat imannya yang tidak dilalaikan oleh perniagaan atau berjual-beli daripada menyebut serta mengingati Allah, dan mendirikan sembahyang serta memberi zakat; mereka takutkan hari (kiamat) yang padanya berbalik-balik hati dan pandangan. (Mereka mengerjakan semuanya itu) supaya Allah membatas mereka dengan sebaik-baik balasan bagi apa yang mereka kerjakan, dan menambahi mereka lagi dari limpah kurnia-Nya; dan sememangnya Allah memberi rezeki kepada sesiapa yang dikehendaki-Nya dengan tidak terhitung."

(Surah al-Nur, 24:37-38)

Antara syarat-syarat yang perlu diambil perhatian oleh individu yang menceburkan diri dalam bidang perniagaan ialah:

- (1) Barang-barang yang diperniagakan adalah halal dan dibolehkan di sisi syarak, tidak sama sekali terlibat dalam barangan yang jelas diharamkan oleh Allah S.W.T. seperti perniagaan minuman keras dan segala yang berkaitan dengannya.
- (2) Tiada penipuan dan pemalsuan dilakukan terhadap barang yang diperniagakan.
- (3) Tidak menyorok barang-barang yang diperlukan oleh orang ramai dengan tujuan mendapat harga yang lebih tinggi.
- (4) Tidak ada unsur-unsur sumpahan bohong semata-mata ingin melariskan jualan dan perniagaan.
- (5) Tidak menaikkan harga barang-barang dengan sewenang-wenangnya hingga kepada tahap pemerasan untuk mendapatkan keuntungan yang lebih.
- (6) Kewajipan membayar zakat perlu sentiasa diawasi agar segala harta yang diniagakan halal dan makin berkembang.
- (7) Tidak mengabaikan kewajipan-kewajipan agama dan hak Allah kerana terlalu sibuk dengan urusan perniagaan.

Ini adalah salah satu contoh kerjaya yang mendapat keredaan daripada Allah S.W.T. kerana tidak terkeluar daripada etika yang telah ditetapkan oleh Islam. Golongan peniaga yang bertindak di luar daripada batasan ini seperti menyorok barang-barang keperluan, eksploitasi, monopoli, sabotaj, rasuah, penyalahgunaan kuasa, tidak cekap, tidak berdedikasi

dalam menjalankan tugas, tidak amanah, mengamalkan diskriminasi dan penindasan tidak akan mendapat ganjaran daripada Allah dan boleh mencemarkan kerjaya perniagaan yang diceburinya.

Manakala bagi golongan wanita terutama dalam abad ke-21 ini, tidak dinafikan mereka juga memainkan peranan penting dalam membangun masyarakat, organisasi dan negara. Dewasa ini, banyak wanita yang telah berjaya dalam pelbagai bidang kerjaya hingga dikatakan dapat menandingi golongan lelaki. Sebagai makhluk yang dijadikan oleh Allah dengan sifat-sifat semulajadi yang tersendiri, wanita yang berkerjaya amat perlu menjaga etika keterlibatan mereka dalam *mana-mana* bidang yang diceburi.

Pendidikan kerjaya yang lebih khusus amat perlu diberikan pendedahan oleh ibu bapa terutama kepada anak-anak remaja perempuan yang akan menempuhi alam kerjaya. Beberapa perkara tambahan perlu ditelitikan selain daripada yang disebut sebelum ini bagi seseorang wanita yang berkerjaya di luar rumah. Antaranya ialah:

- (1) Memilih profesion dan bidang kerjaya yang sesuai dengan fitrah sebagai seorang perempuan atau wanita. Pemilihan ini amat penting bagi menjamin kesempurnaan kerja yang dijalankan sesuai dengan batasan hukum syariat yang ditetapkan ke atas mereka.
- (2) Melaksanakan syariat Allah dengan sempurna semasa bekerja seperti etika berpakaian yang berasaskan konsep menutup aurat, etika berhias (*tabarruj*), etika bergaul dengan rakan setugas sama ada lelaki atau perempuan dan sebagainya.
- (3) Bertanggungjawab memelihara kehormatan diri dan maruah sebagai seorang muslimah sama ada berstatus gadis, isteri dan ibu. Elakkan daripada perkara-perkara yang boleh menimbulkan fitnah.
- (4) Mengurus dan membahagikan masa dengan teliti antara kewajipan rumah tangga bagi yang telah berkahwin dengan kewajipan yang sewajarnya dilaksanakan di tempat kerja.

## **PENUTUP**

Islam dengan sifatnya sebagai agama cara hidup (*din al-Hayah*) memberikan tunjuk ajar dan bimbingan secara umum bagi individu yang menceburi mana-mana kerjaya yang diminati. Etika Islam terhadap peranan institusi keluarga khususnya ibu bapa amat ditekankan bagi menjamin keutuhan pembangunan dan perkembangan profesionalisme dan kerjaya anak-anak agar bertepatan dengan tauhid, syariah dan akhlak Islam. Ibu bapa perlu mengetahui dan merujuk kepada etika ini sesuai dengan status manusia sebagai pemegang amanah *khalifah* Allah di atas muka bumi ini. Bagi menjamin amanah kekhalfahan ini dapat dilakukan dengan cara yang terbaik, maka individu perlu mendapat bimbingan awal tentang pendidikan kerjaya terutama daripada ibu bapa yang bertindak sebagai pendidik utama bagi anak-anak dalam menempuhi alam kerjaya terutama di era globalisasi abad 21.

## **BIBLIOGRAFI**

Al-Quran dan terjemahannya.

Abdullah Nasih Ulwan, Dr.(1993), *Tarbiyyat al-Awlad Fi al-Islam*, Juzuk Kedua, Terjemahan Saifullah Kamali Drs. & Hery Noer AN Drs., Semarang: Penerbit Asy-Syifa'.

- Adnan Hassan Salleh (2002), *Mas'uuliyah ai-Abb al-Muslim Fi Tarbiyyat al-Walad Fi Marhalat al-Tufulah*, Jeddah: Daral-Mujtama' li al-Nasyr wa al-Tawzi'.
- Haron Din, Dr. et.al. (1985), *Manusia Dan Islam*, Selangor: Hizbi Sdn. Bhd.
- Ibnu Khaldun (2000), *Muqaddimah Ibnu Khaldun*, Terjemahan, Cetakan Ketiga, Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Ismail Haji Ibrahim, Prof.Dr. (1991), *Nilai Pekerjaan Dalam Islam*, dalam Shafie Hj. Mohd Salleh & Mohd Affandi Hassan, *Kecemerlangan Pentadbiran Dasar dan Amalan Dalam Islam*, Institut Tadbiran Awam Negara.
- Kamus Dewan Edisi Ketiga* (2000), Cetakan Kelima, Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Muhammad Said Mursi (1998), *Fann Tarbiyyah al-Awlad Fi al-Islam*, Juzuk Pertama, Kaherah :Daral-Tawzi' wa al-Nasyr al-Islamiyyah.
- Muhammad Zakariyya al-Kandahlawi (1994), *Kelebihan Perniagaan Dan Pencarian Nafkah Hidup Dalam Islam*, Kuala Lumpur: Darul Nu'man.
- Mustapha Said al-Khin, Dr. et.al, (1992), *Nuzhah al-Muttaqin Syarh Riyadhu al-Salihin Min Kalam Sayyid al-Mursalin*, Imam Abi Zakariyya Mahyiddin Yahya al-Nawawi, Juzuk Pertama, Beirut: Muassasah al-Risalah.
- Wan Mohd Noor Wan Daud, Dr. (1991), *Budaya Kerja Bersepadu*, dalam Shafie Hj. Mohd Salleh & Mohd Affandi Hassan, *Kecemerlangan Pentadbiran Dasar dan Amalan Dalam Islam*, Institut Tadbiran Awam Negara.
- Yusuf al-Qaradhawi, Dr.(1995), *Fatawa Mu'asirah*, terjemahan H.M.H.al-Hamid al-Husaini, Jakarta: Yayasan al-Hamidy.